SINAR HARIAN
06 MAC 2018

Penuntut dapat merit jadi sukarelawan

KUALA NERUS - Seramai 299 sukarelawan ditugaskan bagi kerja-kerja pembersihan di perkarangan Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak, di sini, sempena Ekspo Terengganu 2018, baru - baru ini.

Selain menyelenggarakan kebersihan, sukarelawan yang terdiri daripada penuntut Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) itu juga turut melakukan kempen kesedaran kepada orang ramai.

Eksekutif Kanan Kebersihan dan Persiapan Tempat, Nor Hazila Mokhtar berkata, kesemua sukarelawan berkenaan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu baju merah dan biru.

"Sukarelawan baju biru ditugaskan untuk menjalankan kempen kebersihan kepada orang awam, manakala baju merah pula melakukan tugas-tugas membersih," katanya.

Katanya, sukarelawan yang mengutip, menyapu dan membuang sampah sepanjang tujuh hari berlangsungnya program itu juga turut diberikan markah merit untuk subjek kokurikulum mereka.